

REPRESENTASI IDENTITI DALAM TEKS PERUTUSAN KHAS PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) TENTANG PEMBENDUNGAN PENULARAN WABAK COVID-19

(Representation of Identity in the Movement Control Order (MCO) Speech Text Addressing Covid-19 Containment)

Muhammad Faizul Abd Hamid^{1Sc}  
faizulhamid@upm.edu.my

Rozita Che Rodi² 
ita_cherodi@upm.edu.my

Muhammad Zaid Daud³ 
zaid.daud@usm.my

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.^{1&2}

Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.³

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Muhammad Faizul Abd Hamid, Rozita Che Rodi, & Muhammad Zaid Daud. (2025). Representasi identiti dalam teks keputusan khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tentang pembendungan penularan wabak Covid-19. *Jurnal Bahasa*, 25(1), 129–158. [https://doi.org/10.37052/jb25\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/jb25(1)no5)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Peroleh:
Received: 8/4/2025

Semakan:
Revised: 20/6/2025

Terima:
Accepted: 24/6/2025

Terbit dalam talian:
Published online: 26/6/2025

Abstrak

Ucapan yang disampaikan oleh pemimpin politik menggambarkan identiti. Identiti ini dapat ditunjukkan menerusi penggunaan kata ganti nama diri (KGND) pertama. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti jenis KGND yang digunakan oleh pewacana dalam teks keputusan khas Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP) dan menghuraikan identiti yang dibina oleh pewacana dengan rakyatnya menerusi KGND dalam teks perutusan khas berkenaan. Sebanyak sembilan teks ucapan dimuat turun daripada laman sesawang rasmi Pejabat Perdana Menteri – <https://www.pmo.gov.my/speech/> (dari bulan Mac 2020 hingga Februari 2021). Pendekatan kualitatif dan kuantitatif diterapkan dengan teori analisis wacana kritis oleh Fairclough (2013). Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat tiga jenis KGND yang digunakan, iaitu KGND “kita”, “saya” dan “kerajaan”. KGND “kita” mencatatkan kekerapan penggunaan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 284 kali (51.08%). KGND “saya” pula merekodkan penggunaan sebanyak 189 kali (33.99%), manakala KGND “kerajaan” digunakan sebanyak 83 kali (14.93%). Dominasi penggunaan KGND “kita” menunjukkan bahawa pewacana ingin membina identiti yang bersifat kekitaan. Secara jelas, penggunaan KGND “kita” oleh pewacana bertujuan untuk menunjukkan pertalian yang akrab dengan rakyatnya. Penggunaan KGND “kita” juga bertepatan dengan situasi yang dialami. Dalam hal ini, penggunaan KGND “kita” menunjukkan bahawa pewacana ingin rakyatnya terlibat bersama-sama dalam usaha mengekang penularan wabak Covid-19. Secara keseluruhan, dapatan analisis ini mampu mencerminkan lakuan sosial yang baik. Penggunaan KGND “kita” yang menggambarkan identiti kekitaan dapat dijadikan sebagai alat pembakar semangat solidariti dalam kalangan rakyat Malaysia ketika berhadapan dengan krisis kesihatan global.

Kata kunci: Covid-19, identiti, kata ganti nama diri, Perdana Menteri Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), teks perutusan khas

Abstract

Speeches delivered by political leaders often serve as a medium for identity construction, and one of the ways this is achieved is through the use of personal pronouns. This study aims to identify the types of personal pronouns used in Movement Control Order (MCO) special address texts and to examine the identities constructed by the speaker in relation to the citizens. A total of nine speech texts were downloaded from the official website of the Prime Minister's Office – <https://www.pmo.gov.my/speech/>, spanning from March 2020 to February 2021. Employing both qualitative and quantitative approaches, this study applied Fairclough's (2013) model of Critical Discourse Analysis. The findings indicate three types of personal pronouns used: “kita” (we), “saya” (I), and “kerajaan” (the government). The personal pronouns “kita” recorded the highest usage frequency, appearing 284 times

(51.08%), followed by “saya” with 189 times in usage (33.99%), and “kerajaan” with 83 times (14.93%). The predominant use of “kita” illustrates the speaker’s intention to construct a collective identity, fostering a sense of solidarity with the people. The use of “kita” aligns with the contextual urgency of the pandemic, signifying a call for shared responsibility in curbing the spread of COVID-19. In sum, the analysis reflects a strategic discursive effort to promote unity and collective social action during a global health crisis.

Keywords: Covid-19, identity, Movement Control Order (MCO), Prime Minister of Malaysia, personal pronouns, speech text

PENDAHULUAN

Penularan wabak Covid-19 di Malaysia bermula pada awal tahun 2020, selari dengan lonjakan kes yang berlaku pada peringkat global. Sebagai langkah mitigasi, kerajaan Malaysia melaksanakan PKP secara menyeluruh bermula pada 18 Mac 2020 dengan matlamat utama untuk mengekang penyebaran virus dalam kalangan masyarakat. Sepanjang tahun 2020 hingga awal 2021, pelaksanaan PKP dilaksanakan secara berperingkat melalui beberapa fasa yang melibatkan sekatan pergerakan berskala besar, penutupan sempadan dan pelaksanaan penjarakan sosial. Dalam suasana krisis ini, Perdana Menteri Malaysia Kelapan, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin (selepas ini dirujuk sebagai pewacana), telah menyampaikan sembilan teks perutusan khas yang berkaitan dengan PKP yang berfungsi sebagai saluran utama penyampaian maklumat rasmi kerajaan kepada rakyat. Kandungan perutusan ini meliputi pelbagai aspek penting, termasuklah pengumuman berhubung dengan pelaksanaan dan lanjutan PKP, statistik kes jangkitan Covid-19, punca penyebaran wabak, langkah-langkah keselamatan awam, bantuan ekonomi dan seruan kepada rakyat agar mematuhi garis panduan dan arahan kerajaan. Perutusan ini bukan sahaja berperanan sebagai wacana komunikasi krisis, tetapi juga sebagai medium pembinaan solidariti dan pengukuhan legitimasi kerajaan dalam usaha mendepani kecemasan kesihatan awam.

Penyampaian teks perutusan khas oleh pemimpin tertinggi negara ini merupakan suatu peristiwa wacana politik, iaitu penggunaan bahasa oleh ahli politik dalam situasi rasmi untuk tujuan tertentu. Menurut van Dijk (2006), bahasa dalam ucapan politik berperanan sebagai alat untuk meyakinkan khalayak tentang sesuatu perkara. Fairclough (2013) pula menegaskan bahawa bahasa dalam wacana politik mengandungi pelbagai

makna tersirat dan dapat ditafsirkan dari pelbagai sudut. Dengan erti kata lain, di balik penyampaian maklumat, pewacana berupaya memilih dan mengolah bahasa sedemikian rupa untuk mencapai tujuan pragmatik, seperti mempengaruhi emosi, pemikiran dan tindak balas pendengar. Oleh itu, bahasa yang digunakan oleh pewacana dalam perutusan bukan sahaja untuk menyalurkan maklumat, malah menggambarkan identiti diri dan cara pewacana ingin dinilai oleh rakyat.

Identiti dalam konteks ini merujuk sifat atau ciri yang menjadi penanda pengenalan diri seseorang atau kelompok tertentu (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015). Dalam penggunaan seharian, istilah identiti merujuk ciri tetap dan khusus yang dimiliki seseorang atau sesuatu kumpulan (Wetherell, 2010). Hecht (1993) menjelaskan identiti sebagai rangka peribadi (personal frame) yang terdiri daripada ciri atau watak individu yang dihayati sebagai pengenalan diri. Giddens (2008) pula mentakrifkan identiti sebagai himpunan ciri unik yang membentuk keperibadian individu atau sesebuah kelompok manusia, manakala Castells (2004) menghuraikan identiti sebagai himpunan makna tentang seseorang atau sesebuah kelompok seperti yang dilihat oleh diri sendiri dan pandangan orang lain. Dengan berdasarkan definisi ini, identiti dapat difahami sebagai imej diri yang ingin ditonjolkan oleh seseorang individu atau sesebuah kumpulan.

Satu daripada cara identiti pemimpin dizahirkan dalam wacana politik adalah melalui KGND. Kajian lepas menunjukkan bahawa KGND tertentu dapat membezakan identiti penutur berbanding dengan orang lain atau kelompok lain (Romadlani, 2021). Bukan itu sahaja, pemilihan KGND tidak dapat dipisahkan daripada identiti penutur. Penggunaan KGND berfungsi sebagai petunjuk untuk mengenal pasti diri penutur (Goddard, 1995; Lee, 2019). Lee (2019) menegaskan bahawa seseorang menggunakan KGND bukan semata-mata untuk menyampaikan maklumat, tetapi untuk membina identiti dan hubungan dengan pendengar. Fromkin et al. (2013) turut menyatakan bahawa “language can be used to conclude what the speaker is going to convey and why he/she is using particular features, especially the personal pronouns” (hlm. 235). Hal ini bermakna bahawa analisis tentang penggunaan KGND dalam sesebuah ucapan dapat menggambarkan niat dan kedudukan sosial penutur. Dengan berdasarkan beberapa pandangan ini, jelaslah bahawa KGND merupakan satu daripada instrumen penting untuk mengenal pasti identiti seseorang atau sesebuah kelompok sosial. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti jenis KGND yang digunakan oleh pewacana dalam teks perutusan khas PKP

MUHAMMAD FAIZUL ABD HAMID, ROZITA CHE RODI DAN MUHAMMAD ZAID DAUD dan menghuraikan identiti yang dibina oleh pewacana dengan rakyatnya menerusi KGND dalam teks perutusan khas berkenaan.

KAJIAN LEPAS

Kajian lepas dalam bahagian ini dibahagikan kepada dua aspek perbincangan, iaitu kajian lepas tentang identiti yang melibatkan wacana politik dan kajian lepas tentang penggunaan KGND. Bagi kajian identiti yang melibatkan wacana politik, Anis Nadiah Che Abdul Rahman (2023) mengenal pasti representasi identiti wanita menerusi kolokasi kata “wanita” dalam perbahasan parlimen di Malaysia dari tahun 1959 hingga tahun 2020. Pengkaji tersebut mendapati bahawa kata “wanita” makin dikaitkan dengan peranan profesional dan ikon kepemimpinan. Pengkaji ini menyatakan bahawa identiti wanita dalam politik Malaysia sedang diperkaya melalui naratif yang menekankan kepelbagaian peranan dan kekuatannya. Walaupun kajian ini memberikan sumbangan penting dalam kajian representasi identiti wanita menerusi kolokasi dalam wacana parlimen di Malaysia, kajian tersebut lebih menumpukan aspek semantik dan statistik kolokasi dalam konteks perbahasan legislatif secara umum. Kajian ini tidak memberikan penekanan terhadap aspek pembinaan identiti pewacana atau strategi bahasa yang digunakan oleh pemimpin dalam penyampaian mesej kepada orang awam ketika krisis.

Selain itu, Mohd Irwan Syazli Saidin dan Nadhrah Azrun (2024) menganalisis penggunaan unsur bahasa oleh parti politik, iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) ketika kempen Pilihan Raya Umum ke-15 untuk mengukuhkan semangat perkauman dan keagamaan. Dengan menganalisis hantaran daripada media sosial, Mohd Irwan Syazli Saidin dan Nadhrah Azrun (2024) mendapati bahawa kedua-dua parti politik ini menggunakan unsur bahasa untuk mencipta dan memperkuat perbezaan kaum dan agama dalam perebutan kuasa politik. Parti Tindakan Demokratik didapati menyentuh sensitiviti masyarakat dengan sentimen agama, kaum dan raja, manakala PAS pula mengaitkan identiti agama Islam dengan hak politik. Walaupun pengkaji tersebut memberikan perhatian terhadap cara wacana digital digunakan untuk membina identiti perkauman dan agama ketika pilihan raya, kajian ini tidak meneliti cara kata ganti nama diri dimanfaatkan untuk membina identiti pewacana, mengukuhkan hubungan kuasa dan menyemai semangat kolektif rakyat.

Amirah Ruzanah Abdullah dan Muhamad Nadzri Mohamed Noor (2022) pula meneliti cara Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu

(UMNO) menerapkan identiti etnik, iaitu Melayu-Islam sebagai alat utama komunikasi politiknya untuk mengekalkan kerelevanan. Pengkaji ini menemukan bahawa UMNO masih menggunakan wacana etnik selepas pilihan raya umum pada tahun 2018, tetapi sekitaran politik baharu menuntut UMNO untuk menggunakan strategi lain bagi mempengaruhi pengundi. Pengkaji ini menegaskan bahawa politik perkauman yang dapat memecahbelahkan masyarakat bukan satu-satunya cara untuk memperoleh kemenangan dalam pilihan raya. Kedua-dua pengkaji ini meneliti identiti politik UMNO melalui naratif Melayu-Islam dalam konteks pascapilihan raya, tetapi tidak memberikan perhatian terhadap strategi mikrolinguistik, seperti penggunaan kata ganti nama diri, dalam wacana rasmi kerajaan. Oleh itu, terdapat kekosongan dalam kajian tentang cara KGND digunakan untuk membina identiti pewacana dan solidariti rakyat dalam teks perutusan khas ketika krisis kesihatan.

Bagi kajian lepas yang berkaitan dengan penggunaan KGND pula, Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2016) meneliti variasi leksikal KGND pertama, KGND kedua dan KGND ketiga dalam dialek Melayu di pesisir Sungai Perak. Kajian ini merupakan kajian yang menggabungkan maklumat kebahasaan dan bukan kebahasaan. Pengkaji tersebut mendapati bahawa faktor bukan kebahasaan mempengaruhi perbezaan KGND di pesisir Sungai Perak. Penggunaan KGND yang berbeza-beza dipengaruhi oleh dialek daripada negeri yang bersempadan dengannya, kampung dalam sesebuah daerah, sungai, gunung-ganang dan bukit bukau. Walau bagaimanapun, kajian ini (2016) tertumpu pada variasi leksikal KGND berdasarkan faktor geografi dan dialek tanpa membincangkan fungsi penggunaan KGND dalam pembinaan makna atau identiti sosial dan politik. Selanjutnya, Maslida Yusof (2018) mengenal pasti trend penggunaan KGND dalam aplikasi WhatsApp. Menurutnya, penggunaan KGND dalam kalangan masyarakat berubah kepada bentuk kontemporari, seperti “korang”, “derang/diorang” dan “uolls” yang digunakan secara meluas. Penggunaan KGND turut dipengaruhi oleh faktor sosial, seperti umur dan taraf sosial. Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian ini tidak memberikan penekanan terhadap aspek representasi identiti yang terbina melalui penggunaan KGND dalam wacana. Namun begitu, Maslida Yusof (2018) memfokuskan bentuk kontemporari KGND dalam platform digital. Tiada usaha dilakukan untuk menilai pemilihan KGND tersebut sebagai cerminan terhadap citra diri, kedudukan sosial atau pembinaan identiti penutur dalam konteks tertentu, terutamanya ketika berhadapan dengan penularan wabak Covid-19.

Selain itu, Kaewrunguang dan Yaoharee (2018) membandingkan penggunaan KGND oleh dua calon presiden Amerikat Syarikat, iaitu Hilary Clinton dan Donald Trump, dalam debat pilihan rayat pada tahun 2016. Sarjana tersebut mendapati bahawa Clinton dan Trump menggunakan KGND pertama “we” (kita) dan “I” (saya) dengan cara yang berbeza-beza untuk menyatakan ideologi yang berbeza-beza kepada khalayak sasaran. Kajian tersebut memberikan implikasi bahawa unit linguistik yang kecil, seperti KGND, mampu memberikan impak yang besar terhadap keputusan pendengar sewaktu mengundi.

Kemudian, Rohaidah Haron et al. (2019) meneliti pembinaan identiti menerusi penggunaan KGND pertama dalam teks ucapan yang disampaikan oleh tujuh orang bekas presiden parti politik UMNO. Dengan berdasarkan hasil penelitian, ketujuh-tujuh bekas presiden ini memanfaatkan KGND “kita” dengan kerapnya. Dominasi penggunaan KGND “kita” menunjukkan bahawa ketujuh-tujuh presiden ini membentuk identiti yang bersifat kekitaan. Dengan erti kata lain, penggunaan KGND “kita” menunjukkan bahawa ketujuh-tujuh presiden ini mahu mendekatkan dirinya dengan pengikutnya tanpa mengambil kira taraf dan kuasa.

Seterusnya, Romadlani (2021) mengetengahkan penggunaan KGND dalam ucapan rasmi Barack Obama sepanjang tempoh beliau menjawat jawatan Presiden Amerika Syarikat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Obama kerap mengaplikasikan KGND berbentuk kata ganti nama pertama jamak, seperti “we” (kita) dan “us” (kami). Penggunaan ini dilihat sebagai usaha untuk membina citra positif, serta meraih sokongan massa menerusi pengukuhan semangat kolektif dan kebersamaan. Dalam konteks tempatan, Dayang Sariah Abang Suhai et al. (2023) meneliti bentuk KGND pertama yang digunakan oleh pewacana daripada blok kerajaan dan pembangkang dalam perbahasan di Parlimen Malaysia. Kajian tersebut turut menganalisis identiti yang dibina melalui penggunaan KGND. Hasil tinjauan awal mendapati bahawa kedua-dua pewacana banyak menggunakan KGND pertama tunggal “saya” berbanding dengan bentuk jamak. Dari segi penggunaan KGND pertama jamak, wakil pembangkang cenderung untuk memilih bentuk “kita” inklusif, manakala pewacana kerajaan pula gemar menggunakan bentuk “kita” eksklusif. Secara keseluruhan, strategi wacana kedua-dua pihak memperlihatkan usaha untuk menampilkan diri sebagai individu yang berdikari, berprinsip dan mempunyai hubungan emosional dengan khalayak. Namun demikian, secara perbandingan, pewacana dari blok pembangkang lebih menekankan unsur kekitaan dan solidariti bersama-sama rakyat, manakala pewacana kerajaan dilihat

lebih mengutamakan unsur kepartian dalam naratifnya, khususnya bagi mengukuhkan legitimasi sebagai “pemerintah baharu” dalam konteks Parlimen Malaysia.

Secara keseluruhan, tinjauan tentang kajian terdahulu yang berkaitan dengan identiti dan penggunaan KGND memperlihatkan bahawa aspek ini mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji pada peringkat antarabangsa dan tempatan. Meskipun kedua-dua kajian yang dibincangkan menyentuh tema yang berkait rapat dengan fokus makalah ini, seperti penggunaan KGND dalam wacana pemimpin, pendekatan serta tujuan kajian masing-masing berbeza. Situasi ini menandakan bahawa kajian linguistik yang berhubung dengan pandemik Covid-19 masih belum mencukupi, khususnya dari segi variasi data, konteks situasi, objektif komunikasi dan kumpulan sasaran yang dikaitkan dengan penggunaan KGND. Dalam hal ini, setakat pemerhatian yang dilakukan, penggunaan KGND oleh Perdana Menteri Malaysia Kelapan dalam perutusan khas PKP yang ditujukan kepada rakyat sebagai strategi komunikasi semasa krisis masih belum dikaji secara menyeluruh. Kekosongan ini memberikan isyarat bahawa kajian yang berkaitan dengan pandemik wajar diteruskan dengan fokus, data dan objektif yang lebih berfokus bagi mengungkap realiti penggunaan bahasa dalam konteks luar biasa, seperti wabak Covid-19. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti jenis KGND yang digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia Kelapan dalam teks perutusan khas PKP, serta menghuraikan identiti yang dimanifestasikan melalui penggunaan KGND tersebut dalam hubungan antara pemimpin dengan rakyat.

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan dua pendekatan, iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif digunakan untuk mengenal pasti kekerapan setiap kategori KGND yang digunakan oleh pewacana dalam teks perutusan. Untuk tujuan ini, jumlah kehadiran setiap jenis KGND dikira berdasarkan rumus pengiraan seperti yang berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Penggunaan Setiap Jenis KGND}}{\text{Jumlah Penggunaan Keseluruhan KGND}} \times 100$$

Contoh jumlah kekerapan penggunaan:

$$\frac{284 \text{ (Jumlah Penggunaan KGND “kita”)}}{556 \text{ (Jumlah Penggunaan Keseluruhan KGND)}} \times 100$$

= 51.08%

Bagi pendekatan kualitatif pula, pengkaji melaksanakan kaedah analisis kandungan teks untuk mentafsirkan dan menghuraikan jenis KGND yang dikenal pasti dalam keputusan khas tersebut. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menggali makna dan identiti yang tersembunyi di balik pilihan KGND oleh pewacana. Selain itu, kajian ini juga menggunakan teori analisis wacana kritis oleh Fairclough (2013). Teori analisis wacana kritis oleh Fairclough (2013) menekankan analisis bahasa pada tiga dimensi utama, iaitu tahap teks, amalan wacana dan amalan sosiobudaya. Ketiga-tiga dimensi ini saling berkait secara dialektik, iaitu hubungan antara teks dengan konteks sosiobudaya dihubungkan melalui amalan wacana. Pendekatan tiga dimensi ini bermaksud bahawa analisis dimulakan dengan pemerihalan ciri linguistik teks, diikuti oleh interpretasi cara teks tersebut dihasilkan dan difahami dalam amalan wacana, serta penjelasan yang mengaitkan wacana teks dengan konteks sosiobudaya yang lebih luas. Dengan kerangka ini, Fairclough (2013) menggabungkan analisis linguistik mikro dengan elemen sosial dan budaya pada peringkat makro yang membolehkan pengkaji menyingkap cara teks dibentuk dan turut membentuk proses sosial. Dalam teori analisis wacana kritis oleh Fairclough (2013), bahasa bukan sekadar alat komunikasi neutral, tetapi sebagai medium pelaksanaan kuasa melalui ideologi yang dapat menyumbang proses dominasi dalam masyarakat. Oleh itu, analisis wacana kritis memberikan perhatian terhadap cara pilihan bahasa dalam teks mencerminkan dan mengubah hubungan kuasa, serta ideologi dalam konteks sosiobudaya tertentu. Dalam kerangka Fairclough (2013) ini, dimensi amalan sosiobudaya memperlihatkan konteks sosial dan budaya yang melatari teks, serta amalan diskursifnya. Penekanan terhadap konteks inilah yang membezakan antara pendekatan analisis wacana kritis Fairclough (2013) dengan pendekatan yang lain, seterusnya menjadikannya komprehensif dan sesuai untuk mengkaji wacana yang sarat dengan isu kekuasaan, ideologi dan identiti.

Namun begitu, untuk memenuhi keperluan kajian, analisis kajian ini hanya tertumpu pada dimensi ciri tekstual dan amalan sosiobudaya. Dimensi amalan wacana yang melibatkan aspek penghasilan dan interpretasi teks oleh pewacana tidak diterapkan kerana kajian ini tidak menganalisis aspek penyampaian ucapan secara langsung atau persepsi penerima. Tambahan pula, data yang digunakan ialah teks penulisan rasmi dan tidak disertakan maklumat kontekstual tentang proses penghasilan dan penerimaan wacana tersebut. Oleh hal yang demikian, dimensi tekstual dan amalan sosiobudaya dirasakan paling relevan dan mencukupi untuk menjawab objektif kajian yang berkaitan dengan representasi identiti

dalam konteks linguistik dan sosiobudaya. Fairclough (2013) menjelaskan bahawa analisis dalam dimensi ciri tekstual melibatkan empat aspek kecil, iaitu pengleksikalan, nahu, tautan dan struktur teks. Walau bagaimanapun, dimensi ciri tekstual yang diberikan perhatian dalam kajian ini ialah aspek nahu yang tertumpu pada penggunaan KGND pertama. Setiap ayat yang mengandungi “kita”, “saya” atau “kerajaan” dianalisis dari segi struktur dan fungsi (contohnya, subjek ayat, objek, pewacana dan lain-lain.) untuk melihat pola penggunaannya. Selepas itu, hasil analisis tekstual ini dikaitkan dengan dimensi amalan sosiobudaya, iaitu tafsiran tentang identiti sosial yang dibina melalui penggunaan KGND. Dengan erti kata lain, penemuan kekerapan dan konteks penggunaan KGND akan digunakan untuk menyimpulkan identiti yang diwakili oleh pewacana. Di sinilah peranan teori dan rujukan kajian lepas dimanfaatkan untuk menyokong hujah. Contohnya, Idris Aman (2006) menyatakan bahawa pemilihan KGND tertentu oleh pemimpin mencerminkan kecenderungan identitinya, sama ada berimej pamer diri, keindividuan, kebersamaan, kekitaan atau kekuasaan. Dengan berdasarkan kerangka ini, pengkaji menilai, sama ada pewacana lebih cenderung untuk menampilkan identiti “kekitaan/kebersamaan” melalui KGND “kita”, atau identiti “keindividuan” melalui “saya”, atau identiti “kekuasaan” melalui “kerajaan”, atau gabungan semuanya.

Sebanyak sembilan teks perutusan khas yang merangkumi pelbagai fasa PKP dijadikan data utama dalam kajian ini. Semua perutusan tersebut disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia Kelapan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, dan diperoleh daripada laman web rasmi Pejabat Perdana Menteri (PMO) di pautan <https://www.pmo.gov.my/speech/>. Teks yang dikumpulkan ialah teks yang disampaikan dari Mac 2020 hingga Februari 2021. Jangka masa pengumpulan data ini bertepatan dengan panduan Creswell (2017) yang mengesyorkan agar pengumpulan data bagi kajian kualitatif dijalankan dalam lingkungan enam bulan hingga 12 bulan untuk memastikan kedalaman dan kecukupan data. Tambahan pula, Creswell (2017) menjelaskan bahawa tempoh tiga bulan awal lazimnya diperuntukkan untuk pelaksanaan kajian rintis, manakala baki tempoh antara tiga bulan hingga sembilan bulan digunakan untuk pengumpulan data bagi kajian sebenar. Kajian rintis ini berfungsi sebagai percubaan awal berskala kecil bagi mengenal pasti potensi isu, seterusnya memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti sebelum kajian utama dilakukan. Oleh itu, kajian rintis dilakukan terlebih dahulu untuk menilai kesesuaian data dengan objektif kajian yang ditetapkan.

Selain itu, tempoh pengumpulan data ini juga sejajar dengan fasa kritikal pelaksanaan PKP di Malaysia yang bermula dari Mac 2020 hingga awal tahun 2021, iaitu tempoh yang dikenal pasti sebagai kemuncak penularan wabak Covid-19 di negara ini. Dalam tempoh tersebut, pelbagai bentuk pelaksanaan PKP diperkenalkan, termasuklah PKP 1.0, PKPB, PKPP dan PKP 2.0 sebagai langkah strategik kerajaan dalam usaha untuk mengawal penularan virus. Oleh itu, pemilihan rangka masa sebelas bulan ini dianggap wajar dan signifikan kerana tempoh ini merangkumi seluruh episod utama pengurusan krisis nasional yang memerlukan penyampaian maklumat secara berterusan melalui teks perutusan. Butiran lengkap mengenai teks tersebut dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Butiran penuh teks perutusan khas PKP.

No.	Tajuk	Tarikh Diterbitkan
1.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1	16 Mac 2020
2.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 2	25 Mac 2020
3.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3	10 April 2020
4.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 4	23 April 2020
5.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	10 Mei 2020
6.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	7 Jun 2020
7.	Perutusan Khas: Perkembangan Terkini Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	20 Julai 2020
8.	Perutusan Khas: Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	28 Ogos 2020
9.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0	11 Januari 2021

Dalam kajian ini, kebolehpercayaan dan kesahan dapatan dijamin melalui prosedur sistematik dan penyediaan jejak audit (audit trail) yang telus. Prosedur pelaksanaan kajian ini merangkumi empat peringkat utama. Peringkat pertama melibatkan proses pemilihan data yang bertujuan untuk menilai kesesuaian bahan yang dipilih berdasarkan skop dan objektif

kajian yang telah ditetapkan. Pemilihan ini dilakukan dengan telitinya bagi memastikan hanya data yang relevan dan signifikan dimasukkan dalam analisis. Peringkat kedua pula melibatkan proses pengekodan, iaitu satu sistem rujukan yang digunakan untuk mengorganisasikan dan menstrukturkan data kajian (Leavy, 2014). Menurut Muhammad Faizul Abd Hamid dan Harishon Radzi (2020), sistem pengekodan ini berperanan penting dalam usaha memudahkan analisis rinci dan pembacaan semula data secara sistematik. Sehubungan dengan itu, setiap teks perutusan khas yang dimanfaatkan dalam kajian ini ditandakan dengan kod rujukan yang merangkumi maklumat seperti kategori teks, nombor perenggan, nombor ayat dan jenis KGND yang dikenal pasti. Penanda ini bertujuan untuk memastikan setiap unit analisis dapat dikenal pasti dengan mudahnya dan dianalisis secara konsisten. Contoh kaedah pengekodan adalah seperti yang berikut:

9.39. (a) Virus ini telah pun berada di dalam komuniti dan hidup bersama **kita**. (b) Janganlah **kita** merasa terlalu selesa dan akhirnya mengabaikan langkah-langkah pencegahan yang begitu mudah untuk **kita** amalkan seperti kerap mencuci tangan dengan sabun, memakai pelitup muka dengan betul, jaga jarak fizikal dan elakkan dari bersentuhan.

Dengan berdasarkan pengekodan ini, nombor 9 merujuk Teks Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0. Nombor 39 pula merujuk perenggan ke-39. Abjad yang berada dalam kurungan, seperti (a) dan (b), merujuk ayat pertama dan ayat kedua. Kata yang ditebalkan merujuk jenis KGND yang digunakan. Bagi menjamin kesahan dalaman, semua proses pengekodan dilakukan secara berulang, bermula daripada pembacaan teks secara menyeluruh, diikuti oleh penandaan KGND dalam setiap perutusan. Kemudian, data dikategorikan berdasarkan jenis KGND dan konteks penggunaannya dianalisis secara induktif. Proses ini disemak silang dengan prinsip analisis wacana Fairclough (2013) bagi meneliti bentuk linguistik yang berkaitan dengan makna identiti dan kuasa. Tahap ketiga ialah perbincangan dapatan kajian berdasarkan objektif yang ditetapkan. Tahap terakhir merupakan usaha untuk merumuskan dapatan kajian dan menyatakan impak kajian dalam bidang linguistik dan masyarakat. Sebagai bukti ketelusan, kajian ini mendokumentasikan setiap langkah analisis, termasuklah kriteria pemilihan data (jenis teks dan tempoh waktu), panduan pengekodan data dan semakan semula kod, senarai jenis KGND yang digunakan untuk klasifikasi, nota analisis yang merekodkan pemerhatian ketika proses tafsiran dan rujukan silang dengan literatur semasa bagi menyokong interpretasi.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dengan berdasarkan analisis terhadap sembilan teks keputusan khas PKP, pewartana menggunakan tiga jenis KGND pertama, iaitu KGND **kita**, **saya** dan **kerajaan**. KGND **kita** merupakan KGND pertama yang bersifat jamak, iaitu kata nama yang bukan sahaja merujuk diri seseorang, tetapi merujuk orang lain secara beramai-ramai. Dalam konteks teks ini, KGND yang digunakan oleh pewartana bertujuan untuk merujuk diri pewartana dan rakyat Malaysia. Kata ganti nama diri **saya** pula merupakan KGND pertama yang bersifat tunggal, iaitu kata nama yang merujuk diri seseorang. Sehubungan dengan itu, KGND **saya** yang digunakan dalam teks ini merujuk diri pewartana sendiri. Kata nama **kerajaan** merupakan kata nama am. Walaupun kata **kerajaan** merupakan kata nama am, penggunaan kata nama **kerajaan** dalam konteks teks keputusan khas ini merujuk diri pewartana dan jentera pentadbirannya. Secara jelas, kata nama **kerajaan** dapat diterjemahkan sebagai KGND “kami”. KGND **kita** dan “kami” merupakan KGND pertama yang bersifat jamak. Namun begitu, kedua-dua KGND ini mempunyai fungsi penggunaannya yang tersendiri. Menurut Asmah Haji Omar (2015), KGND “kami” tidak melibatkan orang yang diajak bercakap, iaitu orang kedua, manakala KGND **kita** melibatkan orang pertama dan orang kedua. Sehubungan dengan itu, KGND “kami” bersifat eksklusif dan KGND **kita** bersifat inklusif. Jumlah keseluruhan KGND dan jenis KGND dalam teks keputusan khas PKP dapat dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2 Jumlah keseluruhan kata ganti nama diri dan jenis kata ganti nama diri dalam teks keputusan khas Perintah Kawalan Pergerakan.

Teks Perutusan	KGND “Kita”	KGND “Kerajaan”	KGND “Saya”	Jumlah Keseluruhan
1	12 (2.16%)	13 (2.34%)	8 (1.44%)	33 (5.94%)
2	30 (5.40%)	35 (6.29%)	5 (0.90%)	70 (12.59%)
3	52 (9.35%)	24 (4.32%)	5 (0.90%)	81 (14.57%)
4	65 (11.69%)	17 (3.06%)	11 (1.98%)	93(16.73%)
5	30 (5.40%)	37 (6.65%)	11 (1.98%)	78 (14.03%)
6	16 (2.88%)	17 (3.06%)	14 (2.52%)	47 (8.45%)
7	37 (6.65%)	23 (4.14%)	10 (1.80%)	70 (12.59%)
8	18 (3.24%)	10(1.80%)	8 (1.44%)	36 (6.47%)
9	24 (4.32%)	13 (2.34%)	11 (1.98%)	48 (8.63%)
Jumlah Keseluruhan	284 (51.08%)	189 (33.99%)	83 (14.93%)	556 (100%)

Dengan berdasarkan Jadual 2, pewacana menggunakan KGND sebanyak 556 kali dalam teks perutusan khas PKP. Dengan berdasarkan perbandingan, KGND **kita** menunjukkan penggunaan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 284 kali (51.08%). Kata ganti nama diri **saya** pula mencatatkan kekerapan penggunaan sebanyak 189 kali (33.99%), manakala KGND **kerajaan** mencatatkan kekerapan penggunaan sebanyak 83 kali (14.93%). Huraian lanjut bagi penggunaan setiap jenis KGND ditunjukkan dalam subbahagian yang berikutnya.

Kata Ganti Nama Diri “Kita”

Kata ganti nama diri **kita** merupakan KGND yang paling kerap digunakan oleh pewacana, iaitu sebanyak 284 kali (51.08%). Dominasi penggunaan KGND **kita** ini menunjukkan bahawa teks ini mempunyai sifat inklusif yang tinggi. Dengan erti kata lain, pewacana banyak memasukkan dirinya dan rakyat Malaysia dalam teks perutusan. Menurut Asmah Haji Omar (2015), KGND **kita** sering digunakan dalam pergaulan biasa apabila pihak yang terlibat tidak berbeza atau tidak banyak bezanya dari segi taraf sosial. Sehubungan dengan itu, KGND **kita** yang digunakan dalam teks ini dapat membayangkan hubungan yang erat antara pewacana dengan rakyatnya. Dengan berdasarkan penelitian terhadap teks perutusan khas PKP, penggunaan KGND **kita** bertujuan untuk menggambarkan larangan, peringatan, ajakan, kejayaan, suruhan, kepercayaan, doa dan peristiwa yang diharungi bersama-sama. Contoh penggunaan KGND **kita** dan huraianannya adalah seperti yang berikut:

1. 1.15. (a) **Kita** tidak boleh menunggu lebih lama sehingga keadaan menjadi lebih meruncing. (b) Tindakan drastik perlu diambil dalam kadar segera untuk menyekat penularan wabak ini dengan cara mengehadkan pergerakan orang ramai.
2. 2.14. (a) Saya diberikan taklimat oleh pihak Majlis Keselamatan Negara bahawa peningkatan kes-kes positif Covid-19 dijangka meningkat lebih tinggi sekiranya **kita** tidak melakukan apa-apa. (b) Jumlahnya mungkin meningkat berkali-kali ganda lagi seperti yang berlaku di beberapa buah negara lain.
3. 3.34. (a) Kerana itu, marilah **kita** bersama-sama menjaga kesihatan diri **kita**, keluarga **kita** dan orang di sekeliling **kita** dengan mematuhi perintah kawalan pergerakan. (b) *Let me remind you that the war on COVID-19 is not yet over. (c) The fight is still on.*
4. 4.9. (a) Sejak lebih sebulan yang lalu, **kita** berjihad melawan Covid-19. (b) Sepertimana ibadat puasa, **kita** dikehendaki berjihad melawan hawa

nafsu. (c) **Kita**alui satu tempoh yang banyak menguji kesabaran dan daya ketahanan **kita**.

5. 5.1.1. (a) Hasil daripada usaha bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh para petugas barisan hadapan dan disiplin saudara saudari sepanjang tempoh PKP dan PKPB dilaksanakan, **kita** telah berjaya menjadikan hampir seluruh mukim atau zon di negara kita berstatus hijau.
6. 6.23. (a) Apa yang penting ialah **kita** semua mestilah bersedia untuk membudayakan kebiasaan baharu dalam kehidupan **kita**. (b) Adakalanya **kita** merasakan sedikit sukar untuk mengamalkannya, tetapi percayalah setiap kesukaran itu akan disusuli dengan kesenangan.
7. 7.34. (a) Saya percaya jika **kita** semua dapat memainkan peranan masing-masing dalam memutuskan rantai jangkitan Covid-19, **kita** akan dapat melalui fasa PKPP ini dengan jayanya.
8. 7.36. (a) Saya doakan semoga **kita** semua kekal sihat, kekal sejahtera dan kekal aman bahagia.
9. 8.6. (a) Sebagaimana saudara dan saudari pun sedia maklum, negara **kita** masih berhadapan dengan risiko penularan Covid-19 sepertimana yang berlaku menerusi kluster Sivagangga, Tawar dan Sala di negeri Kedah, Sanglang di Perlis dan juga kluster di negeri Sarawak baru-baru ini.

Menurut Fairclough (2013), identiti pewacana dapat dikenali melalui peranan sosial yang dimainkan dalam ujaran dan cara pewacana meletakkan dirinya dalam struktur sosial tertentu melalui bahasa. Dalam konteks ini, pewacana secara konsisten menggunakan KGND **kita** untuk menampilkan dirinya, bukan sebagai pihak atasan yang memberikan arahan semata-mata, tetapi sebagai anggota kolektif yang bersama-sama rakyat menghadapi krisis. Pada peringkat amalan sosiobudaya, penggunaan KGND **kita** mencerminkan strategi pewacana untuk memberikan maklum balas konteks sosiopolitik dan kesihatan awam pada waktu itu, iaitu pandemik yang menuntut pematuhan dan penyatuan rakyat. Dalam wacana krisis seperti ini, penggunaan KGND **kita** juga menandakan satu bentuk penyesuaian identiti kepemimpinan (Fairclough, 2013), yakni pemimpin bukan sahaja dilihat sebagai pengarah tindakan, tetapi juga sebagai rakan seperjuangan.

Dalam Data 1, pewacana menggunakan KGND **kita** dalam ayat (a) untuk melarang rakyat dan dirinya menunggu dengan lamanya. Dalam ayat berkenaan, pewacana menyatakan bahawa rakyat dan dirinya tidak boleh mengambil masa yang lama hingga penularan wabak Covid-19 makin menjadi-jadi. Sehubungan dengan itu, pergerakan orang ramai

perlu dihadkan dengan cepatnya untuk membendung penularan wabak ini. Dalam Data 2, pewacana menggunakan KGND **kita** dalam ayat (a) untuk memberikan peringatan kepada rakyat dan dirinya. Dalam ayat tersebut, pewacana menyatakan bahawa dirinya diberi taklimat oleh Majlis Keselamatan Negara. Menurut Majlis Keselemtan Negara, kes jangkitan yang melibatkan wabak Covid-19 dijangka meningkat dengan lebih tingginya jika beliau dan rakyat tidak mengambil sebarang langkah berjaga-jaga. Dalam Data 3, pewacana menggunakan KGND **kita** sebanyak empat kali dalam ayat (a) untuk mengajak rakyat dan dirinya menjaga kesihatan diri. Dalam ayat berkenaan, pewacana mengajak rakyat bersama-sama dengan dirinya untuk menjaga kesihatan diri sendiri, keluarga dan orang keliling dengan cara mematuhi perintah kawalan yang ditetapkan oleh kerajaan. Hal ini dikatakan demikian kerana perjuangan melawan wabak Covid-19 masih belum berakhir.

Dalam Data 4, pewacana menggunakan KGND **kita** dalam ayat (a), (b) dan (c) untuk menceritakan semula peristiwa yang dilalui oleh dirinya dan rakyat ketika pandemik. Dalam ayat tersebut, pewacana menyatakan bahawa dirinya dan rakyat menempuhi peristiwa yang penuh cabaran sejak sebulan yang lalu, terutamanya dalam usaha untuk mengekang penularan wabak Covid-19. Cabaran ini banyak menguji kesabaran pewacana dan rakyatnya. Dalam Data 5, pewacana menggunakan KGND **kita** dalam ayat (a) untuk memaklumkan kejayaan yang diperoleh oleh beliau dan rakyat. Dalam ayat berkenaan, pewacana menyatakan bahawa beliau dan rakyat berjaya menukar hampir seluruh tempat yang berstatus merah kepada tempat yang berstatus hijau. Kejayaan ini diperoleh hasil usaha yang dilakukan oleh petugas barisan hadapan dan disiplin rakyat Malaysia itu sendiri.

Penggunaan KGND **kita** dalam ayat (a), (b) dan (c) bukan sahaja menggambarkan usaha kolektif antara pewacana dengan rakyat, malah berperanan dalam usaha mencipta solidariti. Dengan meletakkan diri pewacana sebagai sebahagian daripada kumpulan yang menghadapi cabaran dan meraih kejayaan bersama-sama, pewacana menyemai rasa kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan pendengar. Menurut Gocheco (2012), penggunaan **kita** dapat menghapuskan sempadan kuasa antara pemimpin dengan rakyat, serta membentuk hubungan yang rapat. Tambahan pula, Kaewrungruang dan Yaoharee (2018) menegaskan bahawa pemimpin politik yang memilih bentuk ganti nama inklusif, seperti “kita” dalam ucapannya cenderung untuk mencipta kesan yang menampakkan rakyat dan pemimpin berkongsi pandangan, tanggungjawab dan misi yang

MUHAMMAD FAIZUL ABD HAMID, ROZITA CHE RODI DAN MUHAMMAD ZAID DAUD sama. Dalam konteks ini, KGND **kita** membentuk naratif kolektif yang sangat penting dalam usaha untuk menanam semangat solidariti ketika negara menghadapi krisis kesihatan awam.

Dalam Data 6, pewacana menggunakan KGND **kita** dalam ayat (a) dan (b) untuk memberikan arahan kepada dirinya dan rakyat. Dalam ayat tersebut, pewacana memberikan arahan kepada dirinya dan rakyat untuk bersiap sedia membudayakan kebiasaan baharu dalam kehidupan, seperti pematuhan prosedur operasi standard dan penggunaan aplikasi MySejahtera. Menurut pewacana lagi, walaupun kebiasaan baharu ini sukar diamalkan, amalan ini mendatangkan kesenangan pada waktu akan datang. Dalam Data 7, pewacana menggunakan KGND **kita** sebanyak dua kali dalam ayat (a) untuk menyatakan kepercayaan. Dalam ayat berkenaan, pewacana percaya bahawa beliau dan rakyat akan berjaya melalui fasa PKPP jika beliau dan rakyat menjalankan tanggungjawab masing-masing untuk memutuskan rantai jangkitan wabak Covid-19. Dalam Data 8, pewacana menggunakan KGND **kita** dalam ayat (a) untuk mendoakan diri beliau dan rakyat. Dalam ayat tersebut, pewacana memanjatkan doa kepada Tuhan agar dirinya dan rakyat sentiasa sihat dan terpelihara daripada bencana. Dalam Data 9, pewacana menggunakan KGND **kita** dalam ayat (a) untuk memaklumkan peristiwa yang sedang dihadapi oleh dirinya dan rakyat. Dalam ayat berkenaan, pewacana memaklumkan bahawa negara masih menghadapi risiko penularan wabak Covid-19 kerana kemunculan kluster baharu. Secara jelas, KGND **kita** yang kerap digunakan oleh pewacana bertujuan untuk menunjukkan pertalian yang akrab dengan rakyatnya. Penggunaan KGND **kita** juga bertepatan dengan situasi yang sedang dialami. Dalam hal ini, pewacana menggunakan KGND **kita** untuk mengajak rakyat menentang ancaman wabak Covid-19 bersama-sama dengan dirinya. Hal ini dikatakan demikian kerana KGND **kita** mampu mewujudkan unsur kebersamaan (sense of togetherness) (Gocheco, 2012) antara pemimpin dengan rakyatnya.

Kata Ganti Nama Diri “Saya”

KGND **saya** merupakan KGND kedua tertinggi yang digunakan oleh pewacana dalam teks perutusannya, iaitu sebanyak 189 kali (33.99%). KGND **saya** merupakan KGND yang digunakan sebagai tanda hormat dan mempunyai ciri neutral (Asmah Omar, 2015). Oleh sebab bersifat neutral, KGND **saya** sesuai digunakan oleh sesiapa sahaja kerana tidak dibatasi oleh kelas sosial. Sehubungan dengan itu, KGND **saya** sesuai

digunakan dalam urusan rasmi (Awang Sariyan, 2007). Menurut Noriah Mohamed (1998), situasi rasmi sepatutnya memperlihatkan penggunaan KGND yang bersifat serba rasmi dan mengandungi unsur halus walaupun pewacana dan pihak yang diajak bercakap saling mengenali. Dengan berdasarkan penelitian terhadap teks perutusan khas PKP, penggunaan KGND **saya** bertujuan untuk menggambarkan kesedaran, arahan, nasihat, harapan, rayuan, tindakan, penghargaan dan ajakan pewacana secara peribadi. Contoh penggunaan KGND **saya** dan huraianya adalah seperti yang berikut:

10. 1.13. (a) **Saya** sedar bahawa saudara dan saudari mungkin merasakan bahawa tindakan yang diambil oleh kerajaan ini menimbulkan kesulitan dan kesukaran untuk saudara saudari menjalani kehidupan seharian. (b) Namun, tindakan ini mesti diambil oleh kerajaan untuk membendung penularan wabak Covid-19 yang berkemungkinan meragut nyawa rakyat negara ini.
11. 2.26. (a) **Saya** juga telah mengarahkan semua kementerian untuk membuat persiapan yang rapi bagi mengurus keperluan asas anda sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa. (b) Yang penting semua keperluan asas mestilah sentiasa tersedia dan mencukupi. (c) Ini termasuk bekalan makanan, elektrik dan air, perkhidmatan kutipan sampah dan pembentungan, kemudahan komunikasi dan logistik serta keselamatan dan ketenteraman awam.
12. 3.9. (a) Begitu juga kepada anda yang bekerja menghantar makanan. (b) Sama ada Grab Food, Food Panda atau lain-lain. (c) Anda mengambil risiko. (d) Orang lain duduk di rumah, anda keluar rumah untuk pastikan orang lain boleh makan. (e) Anda melakukan satu pekerjaan yang mulia. (f) Pesan **saya**, jaga kesihatan, jaga keselamatan, jangan bawa motor laju-laju. (g) Anda juga insan yang hebat.
13. 4.14. (a) Kita juga bersyukur kerana jumlah pesakit Covid-19 yang telah sembuh meningkat dengan ketara. (b) Seramai 3,542 pesakit Covid-19, atau 63.2 peratus daripada keseluruhan pesakit telah pun sembuh setakat ini. (c) **Saya** harap dengan rawatan yang diberikan dan doa kita semua, lebih ramai pesakit Covid-19 akan sembuh dan dapat menjalani kehidupan seperti sediakala. (d) Sekali lagi, kita bersyukur kerana negara kita merupakan antara negara yang mencatatkan kadar kesembuhan yang tertinggi di dunia.
14. 5.38 (a) Kita nak elakkan perkara ini daripada berlaku. (b) Oleh sebab itu, **saya** nak merayu kepada saudara saudari semua supaya patuhilah SOP yang ditetapkan oleh kerajaan. (c) Bukan susah. (d) Mudah sahaja. (e) Elakkan tempat yang sesak. (f) Amalkan penjarakan sosial. (g) Pakai penutup mulut dan hidung. (h) Sentiasa basuh tangan atau gunakan hand sanitizer. (i) Selain itu, keluar rumah hanya jika perlu sahaja.

15. 6.2. (a) Pada Petang Jumaat yang lalu **saya** telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA dengan 40 inisiatif bernilai RM35 billion untuk membantu usaha pemulihan ekonomi negara yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19. (b) Pada petang ini pula, **saya** akan mengumumkan beberapa langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memasuki fasa pemulihan Covid-19. (c) Fasa pemulihan ini adalah sebahagian daripada *exit strategy* atau strategi keluar daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang mula dilaksanakan pada 18 Mac 2020 diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat sejak 4 Mei 2020.
16. 8.3. (a) **Saya** ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada para petugas barisan hadapan dan seluruh rakyat Malaysia. (b) Wabak ini dapat kita kawal kerana saudara dan saudari sekalian mengambil satu tanggungjawab yang serius untuk mencegah Covid-19. (c) Ini termasuk dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan dan membudayakan norma-norma baharu kehidupan.
17. 9.40. (a) **Saya** ingin mengajak pemimpin-pemimpin masyarakat atau *community leaders* untuk menjaga dan melindungi komuniti masing-masing daripada menjadi tempat penularan jangkitan Covid-19. (b) Anda semua adalah *frontliners* di dalam komuniti anda dalam perjuangan melawan virus ini. (c) Jalinkan kerjasama dengan pejabat kesihatan daerah, klinik-klinik kesihatan komuniti dan juga majlis daerah untuk mendidik warga komuniti anda supaya mereka juga tahu bagaimana cara terbaik untuk mencegah jangkitan Covid-19 ini.

Dalam Data 10, pewacana menggunakan KGND **saya** dalam ayat (a) untuk menyatakan kesedarannya terhadap kesulitan yang dirasakan oleh rakyat. Dalam ayat tersebut, pewacana menyatakan bahawa beliau menyedari tindakan yang diambil oleh kerajaan mungkin menyebabkan rakyat sukar untuk menjalani kehidupan seharian. Namun begitu, kerajaan perlu mengambil tindakan ini untuk mengekang penularan wabak Covid-19. Menurut beliau lagi, jika tindakan tidak diambil oleh kerajaan, wabak ini berkemungkinan akan meragut nyawa rakyat. Penggunaan KGND **saya** bukan sahaja menunjukkan kesedaran tentang penderitaan rakyat, tetapi turut menunjukkan bahawa pewacana mengambil tanggungjawab terhadap keputusan kerajaan yang mungkin menjejaskan kehidupan harian rakyat. Tindakan ini membayangkan elemen kepimpinan kebertanggungjawaban, serta strategi representasi sendiri yang disengajakan dalam wacana politik. Dalam konteks ini, pewacana membina citra pemimpin yang bertanggungjawab dan berintegriti dengan menggunakan KGND **saya** untuk menzahirkan kesanggupan untuk menanggung akibat dasar yang dilaksanakan, sekali gus mewujudkan imej pemimpin yang prihatin dan dekat dengan jiwa rakyat. Menurut Fairclough (2013), strategi ini

mencerminkan usaha pewacana untuk menggambarkan dirinya sebagai aktor sosial yang berperanan aktif dalam usaha menangani krisis. Pemilihan KGND **saya** menunjukkan pengambilan tanggungjawab secara peribadi yang merupakan satu bentuk penyusunan kedudukan dalam struktur kuasa.

Dalam Data 11 pula, pewacana menggunakan KGND **saya** dalam ayat (a) untuk menyatakan arahannya. Dalam ayat berkenaan, pewacana menyatakan bahawa beliau mengarahkan semua kementerian yang terlibat untuk mengurus keperluan asas yang diperlukan oleh rakyat sepanjang PKP dilaksanakan. Antara keperluan asas yang perlu disediakan termasuklah bekalan makanan, elektrik, air dan keselamatan awam. Bagi Fairclough (2013), keadaan ini menunjukkan bahawa pewacana sedang memainkan peranan sosial sebagai pemimpin eksekutif, manakala pada peringkat amalan sosiobudaya, KGND ini menonjolkan proses legitimasi dan pelaksanaan kuasa dalam suasana darurat.

Dalam Data 12, pewacana menggunakan KGND **saya** dalam ayat (f) untuk memberikan nasihat kepada penghantar makanan yang bekerja ketika pelaksanaan PKP. Dalam ayat tersebut, penghantar makanan dinasihatkan agar menjaga kesihatan dan keselamatan. Hal ini dikatakan demikian kerana penghantar makanan sering terdedah pada risiko yang tinggi. Penggunaan **saya** dalam konteks pemberian arahan ini memperlihatkan pewacana sebagai individu yang mempunyai kuasa institusi, namun pada masa yang sama turut memikul tanggungjawab pentadbiran secara peribadi. Strategi pewacana, iaitu menasihati sambil merujuk dirinya, berfungsi untuk mewujudkan hubungan yang bersifat manusiawi dan tegas. Hal ini menggambarkan identiti pengurus krisis yang prihatin, selaras dengan fungsi bahasa sebagai alat untuk menghubungkan kuasa dan solidariti seperti yang ditekankan oleh Fairclough (2013).

Dalam Data 13, pewacana menggunakan KGND **saya** dalam ayat (c) untuk menyatakan harapannya terhadap rawatan dan doa yang diberikan kepada pesakit Covid-19. Dalam ayat berkenaan, pewacana menyatakan bahawa beliau berharap agar rawatan dan doa yang diberikan mampu menyembuhkan lebih banyak pesakit Covid-19. Sehubungan dengan itu, pesakit Covid-19 yang sembuh dapat menjalani kehidupan seperti biasa. Dalam Data 14, pewacana menggunakan KGND **saya** dalam ayat (b) untuk merayu rakyatnya. Dalam ayat tersebut, pewacana merayu rakyatnya agar mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan. Rayuan ini bertujuan untuk mengelakkan jangkitan wabak Covid-19. Antara garis panduan yang ditetapkan termasuklah pemakaian

pelitup muka, penjarakan sosial dan penggunaan pensanitasi tangan. Dalam Data 15, pewacana menggunakan KGND **saya** dalam ayat (a) dan (b) untuk memaklumkan tindakan yang telah dan akan dilakukan oleh pewacana. Dalam ayat (a), pewacana menyatakan bahawa dirinya mengumumkan pelan yang direncanakan oleh kerajaan pada hari Jumaat yang lalu untuk memulihkan ekonomi negara. Dalam ayat (b) pula, pewacana menyatakan bahawa dirinya akan mengumumkan beberapa langkah yang akan diambil oleh kerajaan pada petang tersebut untuk memasuki fasa pemulihan Covid-19.

Dalam Data 16, pewacana menggunakan KGND **saya** dalam ayat (a) untuk memberikan penghargaan secara peribadi. Dalam ayat berkenaan, pewacana mengucapkan syabas dan terima kasih kepada petugas barisan hadapan dan rakyat Malaysia yang berjaya mengawal penularan wabak Covid-19. Menurut pewacana, kejayaan ini dapat dicapai menerusi peranan yang diambil oleh rakyat untuk mengawal penularan wabak Covid-19. Peranan ini turut melibatkan pematuhan garis panduan keselamatan dan pembudayaan kebiasaan baharu. Dalam Data 17, pewacana menggunakan KGND **saya** dalam ayat (a) untuk mengajak pemimpin komuniti untuk melindungi penduduk setempat daripada penularan wabak Covid-19. Menurut pewacana, pemimpin ini merupakan petugas barisan hadapan dalam komunitinya sendiri. Sehubungan dengan itu, pemimpin ini perlu menjalinkan kerjasama dengan agensi kesihatan untuk mendidik penduduk setempat tentang pencegahan jangkitan Covid-19. Secara jelas, KGND **saya** yang digunakan oleh pewacana dalam teks perutusannya bertujuan untuk menonjolkan dirinya dalam usaha mengurus penularan wabak Covid-19 di Malaysia. Kenyataan ini selari dengan dakwaan Idris Aman (2014) yang menegaskan bahawa KGND **saya** yang digunakan oleh pemimpin bersifat “promosi diri”. Menurut Fairclough (2013), bentuk promosi diri ini ialah satu daripada bentuk representasi identiti institusi. Pemimpin memperkukuh imejnya sebagai penggerak utama. Strategi ini memperlihatkan pewacana sebagai orang yang membina identiti aktif dan berkebolehan, sekali gus menegaskan legitimasi politiknya dalam konteks krisis.

Kata Ganti Nama Diri “Kerajaan”

KGND **kerajaan** merupakan KGND yang paling sedikit digunakan oleh pewacana, iaitu sebanyak 83 kali (14.93%). Seperti yang dinyatakan, kata **kerajaan** merupakan kata nama am. Namun begitu, penggunaan

kata nama **kerajaan** dalam konteks perutusan yang dikaji merujuk diri pewacana dan jentera pentadbirannya. Secara jelas, kata nama **kerajaan** dapat diterjemahkan sebagai KGND “kami”. Menurut Asmah Omar (2015), KGND “kami” bersifat eksklusif, iaitu KGND yang menyisihkan orang kedua. Sehubungan dengan itu, penggunaan KGND “kami” bukan bertujuan untuk merujuk diri pewacana dan rakyatnya, tetapi KGND “kami” digunakan oleh pewacana untuk merujuk diri sendiri dan jentera pentadbirannya. Dengan berdasarkan penelitian terhadap teks perutusan khas PKP, penggunaan KGND **kerajaan** bertujuan untuk menggambarkan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan dalam usaha untuk membendung penularan wabak Covid-19. Contoh penggunaan KGND **kerajaan** dan huraianya adalah seperti yang berikut:

18. 4.26. (a) Dalam tempoh ini, **kerajaan** akan menilai data-data terkini yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan untuk menentukan langkah seterusnya. (b) Saya tidak menolak kemungkinan bahawa PKP akan dilanjutkan lagi selepas ini. (c) Ini bermakna, saudara saudari mungkin tidak boleh menyambut hari raya di kampung. (d) Saudara saudari masih tidak boleh bekerja, kecuali bagi mereka yang bekerja dalam sektor yang dibenarkan. (e) Perniagaan juga masih belum boleh dibuka sepenuhnya.
19. 7.8. (a) Bantuan-bantuan **kerajaan** juga telah banyak yang disampaikan. (b) Sehingga hari ini, sejumlah RM11.14 bilion telah disalurkan kepada 10.4 juta penerima Bantuan Prihatin Nasional. (c) 1.4 juta pemandu e-hailing telah menerima elaun tunai RM500 dengan jumlah keseluruhan RM34 juta.
20. 8.9. (b) Justeru, demi kepentingan saudara-saudari sekalian, **kerajaan** telah memutuskan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020. (c) Dengan pelanjutan tempoh PKPP, tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 atau Akta 342 masih boleh diambil. (d) Ini adalah untuk memastikan semua pihak mematuhi Prosedur Operasi Standard dan protokol kesihatan yang ditetapkan.

Dalam Data 18, pewacana menggunakan KGND **kerajaan** dalam ayat (a) untuk menyatakan penilaian yang dilakukan oleh kerajaan untuk menentukan rancangan yang seterusnya. Dalam ayat berkenaan, pewacana menyatakan bahawa kerajaan akan menilai data yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menentukan pelaksanaan PKP yang seterusnya. Menurut pewacana, pelaksanaan PKP mungkin akan diteruskan lagi sehingga keadaan stabil. Dalam Data 19 pula, pewacana menggunakan KGND **kerajaan** dalam ayat (a) untuk memaklumkan bantuan yang diberikan oleh kerajaannya. Dalam ayat tersebut, pewacana

memaklumkan bahawa banyak bantuan diberikan oleh kerajaan kepada rakyat. Menurut pewacana lagi, sebanyak RM11.14 bilion disalurkan kepada 10.4 juta penerima Bantuan Prihatin Nasional dan sebanyak RM500 elaun tunai diberikan kepada 1.4 juta pemandu e-panggil. Dalam Data 20, pewacana menggunakan KGND **kerajaan** dalam ayat (b) untuk memaklumkan keputusan pelanjutan PKPP. Pelanjutan PKPP ini akan dilaksanakan hingga 31 Disember 2020. Dengan berdasarkan pengamatan pengkaji, KGND **kerajaan** yang digunakan oleh pewacana mempunyai fungsi yang hampir sama dengan penggunaan KGND **saya**. Namun begitu, penggunaan KGND **kerajaan** bertujuan untuk menonjolkan komitmen yang diberikan oleh kerajaan pimpinannya ketika penularan wabak Covid-19. Penggunaan KGND **kerajaan** menggambarkan representasi institusi dalam wacana. Pewacana menjarakkan identiti peribadi dengan identiti negara atau entiti pentadbiran bagi menzahirkan kewibawaan kolektif. Langkah ini ialah suatu bentuk penyusunan institusi, iaitu pewacana mempersembahkan dirinya sebagai suara bagi struktur yang lebih besar (kerajaan) untuk memperkukuh legitimasi (Fairclough, 2013).

Secara keseluruhan, pewacana memanfaatkan tiga jenis KGND pertama dalam teks perutusannya, iaitu KGND **kita**, **saya** dan **kerajaan**. KGND **kita** menunjukkan penggunaan yang paling tinggi berbanding dengan KGND **saya** dan **kerajaan**, iaitu sebanyak 284 kali (51.08%). Menurut Idris Aman (2006), penggunaan KGND tertentu mempunyai hubungan dengan amalan sosial tertentu. Misalnya, penggunaan kata ganti nama diri **saya** melibatkan perasaan peribadi atau tidak merujuk orang tertentu, manakala kata ganti nama diri **kita** mempunyai hubungan dengan pemikiran inklusif antara penutur dengan pihak yang diajak bercakap. Sehubungan dengan itu, KGND **kita** yang kerap digunakan oleh pewacana dilihat sangat sesuai dengan konteks teks perutusan yang disampaikan kepada rakyat pada ketika itu. Sewaktu penularan wabak Covid-19 di Malaysia, negara ini juga berhadapan dengan pergolakan politik (Wong, 2020). Pergolakan politik ini menyebabkan kerajaan yang dipimpin oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, iaitu Perdana Menteri Malaysia Ketujuh digantikan oleh Tan Sri Muhyidin Yassin. Pelantikan Tan Sri Muhyidin Yassin sebagai Perdana Menteri Malaysia Kelapan menimbulkan pelbagai reaksi negatif (Periasamy, 2020). Misalnya, terdapat pihak tertentu yang mendakwa bahawa pelantikan Tan Sri Muhyidin Yassin tidak berlandaskan sistem demokrasi.

Sebagai Perdana Menteri yang baru dilantik sewaktu wabak Covid-19 mula-mula menular di Malaysia, pewacana menggalas tanggungjawab

yang besar kerana perlu menjaga kebajikan dan keselamatan rakyatnya. Pada masa yang sama, pewacana juga perlu berusaha mendapatkan sokongan daripada rakyat untuk menjayakan usaha mengekang penularan wabak Covid-19 bersama-sama. Satu daripada cara untuk mendapatkan sokongan dan bantuan daripada semua pihak ialah pewacana memanfaatkan KGND **kita** untuk mewujudkan identiti kekitaan dalam kalangan masyarakat. Dalam konteks ini, menurut Fairclough (2013), wacana dapat digunakan sebagai alat ideologi untuk menormalkan kuasa dan mendapatkan legitimasi. Oleh itu, penggunaan KGND **kerajaan dan kita** dalam situasi pascaperalihan kuasa bukanlah sekadar rujukan biasa, tetapi suatu strategi untuk membina wacana legitimasi. Pewacana cuba menyepadukan antara identiti institusi (kerajaan) dengan kolektif (kita) sebagai cara untuk menyatukan sokongan rakyat dalam suasana politik yang tidak stabil. Keadaan ini bertepatan dengan pandangan Fairclough (2013) yang menyatakan bahawa bahasa memainkan peranan dalam usaha membingkai semula kuasa agar dapat diterima oleh khalayak.

Bagi memahami kepentingan penggunaan kata ganti nama diri **kita** oleh pewacana dalam pembinaan identiti kekitaan ketika menghadapi krisis, pemikiran klasik yang turut menekankan konsep perpaduan dan semangat kolektif dalam sesebuah masyarakat wajar ditelusuri. Dalam hal ini, tokoh sosiologi Islam terkenal, Ibnu Khaldun (1332–1406) menekankan bahawa kekuatan asabiyah atau semangat kekitaan merupakan faktor utama yang menentukan kebangkitan dan kejatuhan sesebuah tamadun (Indriaty Ismail, 2015). Menurut beliau, asabiyah bukan sekadar semangat persaudaraan, tetapi mencerminkan kekuatan hubungan sosial yang terbina atas dasar saling menyayangi dan saling menghormati, mematuhi norma kolektif dan kesediaan untuk berkorban demi kesejahteraan masyarakat dan negara. Dalam konteks perutusan khas PKP, konsep asabiyah ini dapat dilihat secara tersirat melalui penggunaan KGND **kita**. Strategi pewacana yang meletakkan dirinya bersama-sama rakyat bukan sahaja mewujudkan rasa kekitaan, tetapi turut menanam semangat untuk bersatu menghadapi krisis kesihatan awam secara kolektif. Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa penggunaan bahasa dalam wacana politik tidak bersifat neutral, sebaliknya memainkan peranan dalam pembinaan solidariti berideologi, menyemai semangat nasionalisme dan memupuk perpaduan rakyat ketika negara berhadapan dengan ketidaktentuan.

Secara lumrahnya, seseorang itu tidak dapat hidup bersendirian tanpa sokongan dan bantuan orang lain (Siti Nor Azhani Mohd Tohar

MUHAMMAD FAIZUL ABD HAMID, ROZITA CHE RODI DAN MUHAMMAD ZAID DAUD et al., 2014). Sehubungan dengan itu, setiap individu perlu bersatu padu untuk mengatasi kelemahan diri, sekali gus menjadikannya masyarakat yang maju dan mampu memenuhi keperluan asas kehidupan, seperti bekalan minuman, makanan, tempat tinggal, pakaian dan perlindungan (Zaid Ahmad, 2003). Dalam hal ini, sebagai seorang perdana menteri yang dilantik ketika penularan wabak Covid-19, pewacana bertanggungjawab untuk menjayakan misi menentang ancaman wabak Covid-19 di bawah pentadbirannya. Oleh hal yang demikian, dominasi penggunaan KGND **kita** oleh pewacana menunjukkan bahawa pewacana ingin rakyat Malaysia bersama-sama terlibat dalam usaha mengekang penularan wabak Covid-19. Kebersamaan yang ditunjukkan menerusi KGND ini juga menyebabkan rakyat Malaysia berasa penting, sekali gus ikut serta dalam langkah yang diambil oleh pewacana. Dengan erti kata lain, penggunaan KGND **kita** menunjukkan bahawa usaha melawan ancaman wabak Covid-19 tidak hanya bergantung pada individu semata-mata, malah memerlukan pelibatan semua pihak.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Kaewrungruang dan Yaoharee (2018) yang menunjukkan bahawa penggunaan KGND **kita** oleh pemimpin mampu mencerminkan nilai kekitaan dengan pengikutnya. Penggunaan KGND **kita** seolah-olah menunjukkan bahawa pemimpin dan pengikutnya mempunyai pandangan dunia yang sama (same world view). Sehubungan dengan itu, penggunaan KGND **kita** sewaktu pandemik Covid-19 mampu mengukuhkan orientasi komuniti untuk mengatasi krisis, di samping membina identiti kolektif dan mendorong kerjasama masyarakat dalam usaha untuk mematuhi langkah kesihatan. Penekanan aspek kekitaan ini sama dengan pemerhatian Dayang Sariah et al. (2023) yang mendapati bahawa pemimpin cenderung untuk menggunakan **kita** untuk menyerlahkan sifat kebersamaan dengan khalayak. Kajian ini turut berkongsi dapatan yang sama dengan kajian Romadlani (2021) yang mendapati bahawa penggunaan KGND **kita** oleh pemimpin berfungsi sebagai mekanisme linguistik untuk menggabungkan pemimpin dan rakyat dalam satu identiti kolektif. Dengan mendekatkan dirinya dengan rakyat melalui penggunaan **kita**, pemimpin menggambarkan kesatuan nasib dan tujuan bersama-sama rakyat. Kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Rohaidah Haron et al. (2019) yang mendapati bahawa penggunaan KGND **kita** dapat mewujudkan rasa kebersamaan. Kajian Rohaidah Haron et al. (2019) turut menyimpulkan bahawa sekecil-kecil kata, seperti **kita**, memainkan peranan yang besar dalam usaha memupuk kepercayaan antara pemimpin dengan khalayak.

Menurut Syofia Ulfah et al. (2015), pendengar suka akan bahasa yang mengandung unsur kebersamaan. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa yang mengandung unsur kebersamaan mampu menyebabkan pendengar lebih dekat dengan penutur, manakala bahasa yang tidak mempunyai unsur kebersamaan pula dikatakan bahasa yang mengasingkan penutur dengan pendengarnya. Dalam hal ini, dominasi penggunaan KGND **kita** oleh pewacana menjelaskan bahawa pewacana tidak berniat untuk membeza-bezakan dirinya dengan rakyatnya, malah menganggap rakyatnya sebagai satu pasukan dalam usaha menangani penularan wabak Covid-19. Sehubungan dengan itu, KGND **kita** dalam teks perutusan ini mampu menyebabkan hubungan antara pewacana dengan pendengar lebih rapat. Apabila hubungan yang rapat wujud antara pewacana dengan rakyatnya, semangat saling membantu, sikap sanggup berkorban untuk mempertahankan antara satu dengan lain akan turut wujud (Nazri Muslim et al., 2016). Hubungan yang rapat ini bukan sahaja menjelmakan semangat kekitaan, tetapi juga membentuk satu bentuk tanggungjawab bersama antara pewacana dengan rakyat. Pewacana bukan sekadar menggambarkan dirinya sebagai sebahagian daripada rakyat, tetapi turut menyeru rakyat untuk memikul tanggungjawab kolektif dalam usaha untuk menangani krisis kesihatan ini. Dalam konteks pandemik Covid-19, hal ini bermaksud bahawa setiap individu, termasuklah pemimpin, mesti menggalas tanggungjawab masing-masing dalam usaha untuk mematuhi langkah keselamatan, menyampaikan maklumat yang sahih dan menyokong usaha kerajaan secara bersama-sama. Ringkasnya, strategi ini bukan sahaja menyuburkan semangat kekitaan dan solidariti, iaitu menjadikan rakyat merasakan pemimpin sebagai sebahagian daripada “kita” yang sama, tetapi juga berupaya meningkatkan kepercayaan terhadap pemimpin tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa pewacana cuba membina hubungan solidariti yang mendatar antara pemimpin dengan rakyatnya, iaitu hubungan yang menyamakan kedudukannya sebagai pihak yang bersama-sama menanggung dan mengatasi penularan wabak Covid-19. Dalam konteks ini, jenis pemimpin yang ditampilkan dalam wacana bukan figura autoritatif yang sekadar memberikan arahan dari atas, tetapi pemimpin yang bertanggungjawab, empatik dan inklusif. Penggunaan KGND **saya** oleh pewacana untuk mengakui kesusahan yang ditanggung rakyat akibat keputusan kerajaan mencerminkan pemimpin

yang mengambil tanggungjawab moral atas dasar dan tindakan yang diambil. Penggunaan **kita** pula bertindak sebagai strategi linguistik untuk merapatkan jarak sosial antara pemimpin dengan rakyat, iaitu pembentukan imej yang mencerminkan bahawa perjuangan melawan wabak ini ialah usaha bersama-sama yang tidak mengenal status atau kuasa. Dalam hal ini, van Dijk (1998) menyatakan bahawa kata ganti yang digunakan dalam wacana politik bertujuan untuk menstrukturkan kuasa dan ideologi, sama ada untuk mendekatkan atau menjauhkan diri pewacana daripada khalayak. Tambahan pula, menurut Fairclough (2013), wacana politik bukan sahaja berperanan untuk menyampaikan mesej, tetapi juga membentuk struktur sosial dan hubungan kuasa. Dengan erti kata lain, pemimpin dapat memanfaatkan kata ganti nama diri untuk menampilkan identiti tertentu, sama ada sebagai pemimpin yang mesra rakyat, pemimpin berjiwa besar atau pemimpin yang menggalakkan tindakan kolektif. Dalam kajian ini, pewacana menampilkan dirinya sebagai agen penyatu, iaitu individu yang mewakili rakyat dan memimpin secara bersama-sama, bukan secara terpisah. Kesimpulannya, teks perutusan khas PKP bukan sahaja berperanan sebagai alat penyampaian maklumat ketika krisis, tetapi juga sebagai alat retorik politik yang membentuk persepsi rakyat tentang identiti kepemimpinan. Melalui pemilihan kata ganti nama diri yang teliti, pewacana berjaya meletakkan dirinya sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, prihatin dan inklusif, iaitu satu citra yang sangat penting untuk meyakinkan rakyat agar bersatu dan bertindak secara kolektif dalam usaha untuk menghadapi pandemik Covid-19. Walaupun aspek bahasa bukanlah satu-satunya kunci yang menentukan kejayaan untuk mengekang wabak Covid-19, bahasa turut memainkan peranan penting dalam usaha menjayakan pembendungan ini.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi serta Universiti Putra Malaysia atas sokongan dan kemudahan yang telah diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Muhammad Faizul Abd Hamid: Penyediaan makalah awal, konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penginterpretasian data, penulisan

makalah, semakan keseluruhan kandungan makalah, dan penyediaan makalah akhir; Rozita Che Rodi: Analisis statistik, pengumpulan data, penulisan bahagian metodologi dan dapatan kajian, semakan teknikal, serta pengesahan makalah akhir; Muhammad Zaid Daud: Kerja dokumentasi, sorotan literatur, pemformatan mengikut garis panduan jurnal, pengesahan makalah akhir.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia secara terbuka dalam laman sesawang rasmi Pejabat Perdana Menteri (PMO) di pautan <https://www.pmo.gov.my/speech/>.

PERISYTIHARAN

Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Alavidze, M. (2017). The use of pronouns in political discourse. *International Journal of Arts and Sciences*, 9(4), 349–356.
- Amirah Ruzanah Abdullah, & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2022). UMNO dan politik identiti pasca-PRU-14, 2018–2022. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1–14.
- Anis Nadiah Che Abdul Rahman. (2024). The portrayal of women: A corpus analysis of the representation around the word “wanita” in the Malaysian Hansard corpus. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 24(4), 149–172. <http://doi.org/10.17576/gema-2024-2404-09>
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir edisi kelima*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Nahu kemas kini*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (2007). *Santun berbahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Castell, M. (2004). *The power of identity*. Blackwell Publishing.
- Creswell, J. W. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach*. SAGE Publications.
- Dayang Sariah Abang Suhai, Kesumawati Abu Bakar, & Norsimah Mat Awal. (2023). Kata ganti nama dan representasi identiti pewacana parlimen.

- MUHAMMAD FAIZUL ABD HAMID, ROZITA CHE RODI DAN MUHAMMAD ZAID DAUD
KEMANUSIAN the Asian Journal of Humanities, 30(1), 124–148. <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.1.7>
- Fairclough, N. (2013). Critical discourse analysis and critical policy studies. *Critical Policy Studies*, 7(2), 177–197. <https://doi.org/10.1080/19460171.2013.798239>
- Fromkin, V., Rodman, R., & Hyams, N. (2013). *An introduction to language*. Cengage Learning.
- Giddens, A. (2008). *Sociology*. Polity Press.
- Goheco, P. M. (2012). Pronominal choice: A reflection of culture and persuasion in Philippine political campaign discourse. *Philippine ESL Journal*, 8, 4–25.
- Goddard, C. (1995). Who are we? The national semantics of pronoun. *Language Sciences*, 17, 99–121.
- Hecht, M. L. (1993). A research odyssey: Toward the development of a communication theory of identity. *Communication Monographs*, 60(3), 76–82. <https://doi.org/10.1080/03637759309376297>
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan kepemimpinan: Analisis wacana Mahathir Mohamad*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Aman. (2014). Manifesto pilihan raya dan prestasi parti politik utama Malaysia dalam pilihan raya umum ke-13: Suatu analisis linguistik. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(4), 65–82.
- Indriaty Ismail. (2015). Asabiyah dan kepentingannya. Dalam Ahmad Sunawari Long (Penyunting), *Falsafah Ibnu Khaldun* (hlm. 101–110). Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Kaewrungruang, K., & Yaoharee, O. (2018). The use of personal pronoun in political discourse: A case study of the final 2016 United States presidential election debate. *Reflections*, 25(1), 85–96.
- Leavy, P. (2014). *The Oxford handbook of qualitative research*. Oxford University Press.
- Lee, C. L. (2019). Classical Chinese pronouns: Pragmatic implications and politeness. *Acta Linguistica Academica*, 66(2), 271–288. <https://doi.org/10.1556/2062.2019.66.2.7>
- Maslida Yusof. (2018). Trend ganti nama diri bahasa Melayu dalam konteks media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(2), 36–50. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3402-03>
- Mohd Irwan Syazli Saidin, & Nadhrah Azrun. (2024). Digital media and religious sentiments in Malaysia: Critical discourse analysis of the Pan-Malaysian Islamic party and democratic action party cyberspace campaigns in the 15th General Election. *Religions*, 15(8), 920. <https://doi.org/10.3390/rel15080920>
- Muhammad Faizul Abd Hamid, Mohd Azidan Abdul Jabar, Rozita Che Rodi, & Adlina Ab. Halim. (2022). Modaliti dalam teks perutusan khas Perintah

- Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung penularan wabak Covid-19 di Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 30(4), 1635–1656. <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.4.09>
- Muhammad Faizul Abd Hamid, & Harishon Radzi. (2020). Struktur tema dalam manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14. *Jurnal Linguistik*, 24(1), 109–125.
- Nazri Muslim, Mohd Mahadee Ismail, & Azizah Ya'acob. (2016). Persepsi belia terhadap etos bangsa: Kajian di Lembah Klang. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(3), 23–39.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Mohd. Sanit, Zaharani Ahmad, & Harishon Mohd. Radzi. (2016). Variasi kata ganti nama dialek di pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Journal of Language Studies*, 16(1), 109–123.
- Noriah Mohamed. (1998). *Sosiolinguistik bahasa Melayu di Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Pejabat Perdana Menteri (PMO). (2021). Dicapai pada 20 Mei 2021 daripada <https://www.pmo.gov.my/ucapan/>
- Periasamy, M. (2020, Mac). Demokrasi terserlah dalam proses pelantikan Muhyidin. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/demokrasi-terserlah-dalam-proses-pelantikan-muhyiddin-232942>
- Rohaidah Haron, Madiawati Mamat @ Mustafa, & Maizira Abdul Majid. (2019). Pembinaan identiti kepimpinan dalam wacana politik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 386–407. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2019-3504-24>
- Romadlani, M. M. I. (2021). Personal pronouns in American presidential political discourse. *Indonesian Journal of EFL and Linguistics*, 6(1), 201. <https://doi.org/10.21462/ijeft.v6i1.356>
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab. Halim, Ku Hasnita Ku Samsu, & Hashim Musa. (2014). Teori semangat kekitaan (assabiyah) Ibnu Khaldun dan pemartabatan bahasa Melayu di Malaysia. *Mahawangsa*, 1(2), 247–56.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamad, & Jamaludin Badusah. (2015). *Komunikasi interpersonal teori dan amali*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Van Dijk, T. (2006). Discourse and manipulation. *Discourse & Society*, 17(3), 359–383.
- Wetherell, M. (2010). *The field of identity studies*. The Sage Handbook of Identities.
- Wong, C. H. (2020). Malaysia: Coronavirus, political coup and lockdown. *The Round Table*, 109(3), 336–337. <https://doi.org/10.1080/00358533.2020.1758381>
- Zaid Ahmad. (2003). *The epistemology of Ibn Khaldun*. Routledge.